



PARA pemenang bergambar bersama selepas Festival CIPTA 2014, di USIM, Nilai, Seremban, baru-baru ini.

## Doa Anak Marhaien unggul CIPTA 2014

SEREMBAN 30 Sept. - Sebanyak 80 lirik serta 60 lagu berunsur patriotik telah secara bersama oleh mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan penghuni penjara melalui Festival Cipta Lagu Patriotik (CIPTA) 2014.

CIPTA yang masuk tahun kelima penganjurannya itu merupakan kerjasama antara Pusat Kebudayaan USIM bersama Jabatan Penjara Malaysia dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Kemuncak CIPTA 2014 menyaksikan penganjuran Malam Konsert dengan mempertandingkan 10 lagu yang diadili oleh juri profesional Fauzi Marzuki, Siso Koprata dan Datuk Suhaimi Mohd. Zain.

Lagu bertajuk *Doa Anak Marhaien* hasil lirik ciptaan Denis Anak Langit (penghuni Penjara Kajang) dan komposer Faizil Redzuan (USIM) muncul johan sekali

gus membawa pulang hadiah berupa wang tunai RM3,000 dan sijil penghargaan.

Sementara itu, tempat kedua dan ketiga dimenangi lagu bertajuk Bunga Pertiwi dan Anugerah Perpaduan hasil sentuhan komposer iaitu pelajar USIM dan penulis lirik penghuni penjara dengan masing-masing menerima wang tunai RM 2,000 dan RM1,500 beserta sijil penghargaan.

Bagi penuntut jurusan Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) USIM, **Mohamad Husaini Mahmud**, 22, kejayaan lagu *Doa Anak Marhaien* yang dinyanyikan oleh beliau bersama rakannya adalah satu pengalaman manis bagi mereka.

"Kami amat berdebar kerana ini pengalaman pertama menyanyi dengan iringan muzik orkestra.

"Di samping itu, lagu ini di-

sampaikan menggunakan loghat masyarakat iaitu Negeri Sembilan, Kelantan dan Terengganu ternyata memberi cabaran kepada kami, latihan intensif selama seminggu banyak membantu untuk mempersembahkan lagu ini dengan baik." Katanya.

Dalam pada itu, Pengarah Pusat Kebudayaan USIM, **Ismail Ahmed** berkata, CIPTA merupakan platform menonjolkan bakat dan kreativiti pelajar dan penghuni penjara bagi menzhahirkan kecintaan kepada negara.

"Malah hasil ciptaan mereka ini sedikit sebanyak memberi suntikan semangat jiwa patriotik yang besar kepada masyarakat negara ini.

"Melalui penganjuran CIPTA sebelum ini, sebanyak enam buah lagu terbaik ciptaan mahasiswa dan penghuni penjara telah diterbitkan dalam bentuk mini," katanya.